



19 Mac 2012
19 March 2012
P.U. (A) 77

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN
PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA)
2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRIVATE RETIREMENT
SCHEME INDUSTRY) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM
PERSARAAN SWASTA) 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
SKIM PERSARAAN SWASTA

PENGGAL 1

Permohonan bagi kelulusan

3. Permohonan bagi kelulusan suatu skim persaraan swasta

PENGGAL 2

Surat ikatan

4. Pendaftaran surat ikatan
5. Pengubahsuaian surat ikatan melalui surat ikatan tambahan
6. Surat ikatan hendaklah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya

PENGGAL 3

Dokumen penzahiran

7. Dokumen penzahiran
8. Dokumen penzahiran tambahan atau gantian
9. Dokumen penzahiran hendaklah diserahkan dengan Suruhanjaya

PENGGAL 4

Penyedia skim persaraan swasta

10. Kewajipan dan tanggungjawab penyedia skim persaraan swasta
11. Kewajipan penyedia skim persaraan swasta berhubung dengan laporan tahunan, penyata, dsb.

PENGGAL 5

Pemegang amanah skim

12. Kewajipan dan tanggungjawab pemegang amanah skim
13. Kewajipan pemegang amanah skim untuk memberitahu Suruhanjaya
14. Pengecualian bagi pemegang amanah skim daripada tanggungan dan menanggung rugi tanggungan
15. Pemegang amanah skim ditanggung rugi
16. Penggantian pemegang amanah skim

PENGGAL 6

Daftar

17. Daftar anggota
18. Penutupan daftar
19. Kuasa mahkamah untuk membetulkan daftar

PENGGAL 7

Mesyuarat anggota

20. Mesyuarat dituntut oleh anggota
21. Kuasa pemegang amanah skim untuk memanggil mesyuarat
22. Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat anggota

PENGGAL 8

Am

23. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah
24. Hak pemegang amanah, wasi dan pentadbir berhubung dengan anggota yang mati
25. Penggulungan suatu skim persaraan swasta

BAHAGIAN III

PEMEGANG AMANAH BAGI SKIM PERSARAAN TAJAAN MAJIKAN

26. Kewajipan dan tanggungjawab pemegang amanah majikan

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM
PERSARAAN SWASTA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 139ZI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 19 Mac 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“kumpulan wang” ertinya apa-apa kumpulan wang dalam suatu skim persaraan swasta;

“dokumen penzahiran” ertinya apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh penyedia skim persaraan swasta yang mempelawa caruman kepada skim persaraan swasta itu;

“resolusi khas” ertinya suatu resolusi yang diluluskan oleh majoriti tidak kurang daripada tiga perempat anggota yang mengundi dalam mesyuarat anggota;

“surat ikatan” ertinya apa-apa surat ikatan yang mewujudkan amanah yang mengawal penubuhan dan operasi suatu skim persaraan swasta dan kumpulan wang dalam skim persaraan swasta itu dan termasuk apa-apa surat ikatan tambahan.

BAHAGIAN II
SKIM PERSARAAN SWASTA

PENGGAL 1
Permohonan bagi kelulusan

Permohonan bagi kelulusan suatu skim persaraan swasta

3. Bagi maksud seksyen 139V Akta, suatu permohonan bagi kelulusan suatu skim persaraan swasta hendaklah disertai dengan—

- (a) suatu surat ikatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Penggal 2 Peraturan-Peraturan ini; dan
- (b) suatu dokumen penzahiran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Penggal 3 Peraturan-Peraturan ini.

PENGGAL 2
Surat ikatan

Pendaftaran surat ikatan

4. (1) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah memastikan bahawa suatu surat ikatan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya di bawah peraturan 3—

- (a) memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) didaftarkan dengan Suruhanjaya.

(2) Surat ikatan itu tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika ia didaftarkan dengan Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh, setelah pengemukaan surat ikatan itu untuk pendaftaran, mendaftarkan surat ikatan itu tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat

sebagaimana yang Suruhanjaya fikirkan patut atau enggan untuk mendaftarkan surat ikatan itu.

Pengubahsuaian surat ikatan melalui surat ikatan tambahan

5. (1) Suatu surat ikatan yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya hanya boleh dipinda dengan surat ikatan tambahan.

(2) Surat ikatan tambahan itu tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika ia didaftarkan dengan Suruhanjaya.

(3) Suatu surat ikatan tambahan yang dikemukakan untuk pendaftaran hendaklah disertai dengan—

(a) suatu resolusi khas yang diluluskan dalam mesyuarat anggota skim persaraan swasta atau kumpulan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika pengubahsuaian kepada surat ikatan menjejaskan secara material kepentingan anggota; atau

(b) suatu pernyataan daripada pemegang amanah skim dan penyedia skim persaraan swasta itu yang memperakukan bahawa—

(i) pengubahsuaian kepada surat ikatan itu tidak menjejaskan secara material kepentingan anggota dan tidak mempunyai kesan yang boleh melepaskan pemegang amanah skim atau penyedia skim persaraan swasta daripada apa-apa tanggungjawab kepada anggota; dan

(ii) notis pengubahsuaian telah terlebih dahulu diberikan kepada anggota skim persaraan swasta atau kumpulan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Walau apapun perenggan (3)(b), Suruhanjaya boleh menghendaki penyedia skim persaraan swasta itu untuk mendapatkan suatu resolusi khas di bawah

perenggan (3)(a) jika pada pendapat Suruhanjaya apa-apa pengubahsuaian kepada surat ikatan boleh menjejaskan secara material kepentingan anggota.

(5) Kehendak di bawah subperaturan (3) tidaklah terpakai jika surat ikatan tambahan yang dikemukakan untuk pendaftaran itu—

(a) adalah untuk memberi kesan kepada arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau

(b) adalah berbangkit daripada apa-apa perubahan yang dibuat kepada Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(6) Suatu surat ikatan tambahan yang dikemukakan untuk pendaftaran dalam hal keadaan yang diperuntukkan di bawah subperaturan (5) hendaklah disertai dengan suatu pernyataan daripada pemegang amanah skim dan penyedia skim persaraan swasta itu, yang memperakukan bahawa notis pengubahsuaian telah terlebih dahulu diberikan kepada anggota skim persaraan swasta atau kumpulan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Suruhanjaya boleh, setelah pengemukaan surat ikatan tambahan itu untuk pendaftaran, mendaftarkan surat ikatan tambahan itu tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang Suruhanjaya fikirkan patut atau enggan untuk mendaftarkan surat ikatan tambahan itu.

Surat ikatan hendaklah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya

6. Penyedia skim persaraan swasta hendaklah menyerahkan simpan satu salinan surat ikatan dengan Suruhanjaya dalam masa tujuh hari selepas surat ikatan itu didaftarkan dan surat ikatan itu hendaklah tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana orang di Suruhanjaya.

PENGGAL 3

Dokumen penzahiran

Dokumen penzahiran

7. (1) Seseorang tidak boleh mengeluarkan, mengedarkan atau mengagihkan apa-apa bentuk permohonan untuk caruman kepada suatu skim persaraan swasta melainkan jika bentuk permohonan itu disertai dengan satu salinan dokumen penzahiran yang telah didaftarkan dan diserahkan dengan Suruhanjaya.

(2) Dokumen penzahiran itu hendaklah memenuhi kehendak yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh, setelah pengemukaan dokumen penzahiran itu untuk pendaftaran, mendaftar dokumen penzahiran itu tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang Suruhanjaya fikirkan patut atau enggan untuk mendaftar dokumen penzahiran itu.

Dokumen penzahiran tambahan atau gantian

8. (1) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah mengeluarkan suatu dokumen penzahiran tambahan atau gantian jika—

(a) suatu perkara timbul dan maklumat berkenaan perkara itu dikehendaki oleh—

(i) mana-mana kehendak di bawah Akta;

(ii) mana-mana kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini;
atau

(iii) mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya,

untuk dizahirkan dalam dokumen penzahiran itu sekiranya perkara itu timbul pada masa dokumen penzahiran itu disediakan;

- (b) terdapat suatu perubahan yang signifikan yang menyentuh suatu perkara yang dizahirkan dalam dokumen penzahiran itu;
- (c) dokumen penzahiran itu mengandungi suatu pernyataan material atau maklumat yang palsu atau mengelirukan; atau
- (d) dokumen penzahiran itu mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material.

(2) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah mengemukakan dokumen penzahiran tambahan atau gantian itu kepada Suruhanjaya untuk pendaftaran.

(3) Suruhanjaya boleh, setelah pengemukaan dokumen penzahiran tambahan atau gantian itu untuk pendaftaran, mendaftar dokumen penzahiran tambahan atau gantian itu tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang Suruhanjaya fikirkan patut atau enggan untuk mendaftarkan dokumen penzahiran tambahan atau gantian itu.

Dokumen penzahiran hendaklah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya

9. (1) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah menyerahkan simpan satu salinan dokumen penzahiran yang telah didaftarkan di bawah peraturan 7 dengan Suruhanjaya sebelum mengeluarkan, mengedarkan atau mengagihkan apa-apa bentuk permohonan untuk caruman kepada skim persaraan swasta itu.

(2) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah menyerahkan simpan satu salinan dokumen penzahiran tambahan atau gantian itu dengan Suruhanjaya sebaik sahaja selepas pendaftarannya oleh Suruhanjaya di bawah peraturan 8.

PENGGAL 4

Penyedia skim persaraan swasta

Kewajipan dan tanggungjawab penyedia skim persaraan swasta

10. Penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah seksyen 139Q Akta hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang berikut:

- (a) pada setiap masa menjalankan kuasanya bagi maksud yang sepatutnya dan dengan suci hati untuk kepentingan yang terbaik bagi anggota secara keseluruhannya;
- (b) menjalankan tahap ketelitian dan ketekunan yang orang yang waras akan lakukan jika dia berada di kedudukan penyedia skim persaraan swasta;
- (c) dalam melaksanakan fungsi dan pengurusan dan operasi skim persaraan swasta itu, bertindak mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (d) memberikan keutamaan kepada kepentingan anggota secara keseluruhan melebihi kepentingannya sendiri dalam hal keadaan terdapat percanggahan kepentingan anggota secara keseluruhan dengan kepentingannya sendiri;
- (e) menyimpan rekod semua transaksi yang berhubungan dengan skim persaraan swasta dan memastikan bahawa semua akaun dan rekod yang disimpan adalah lengkap dan tepat;
- (f) menyediakan semua rekod kewangan atau buku lain mengenai skim persaraan swasta itu untuk pemeriksaan oleh—
 - (i) pemegang amanah skim;

- (ii) seseorang pegawai atau pekerja pemegang amanah skim yang diberi kuasa oleh pemegang amanah skim itu untuk membuat pemeriksaan; atau
- (iii) seseorang juruaudit yang dilantik oleh pemegang amanah skim itu untuk melaksanakan pemeriksaan,

dan memberikan kepada orang yang melaksanakan pemeriksaan itu apa-apa maklumat, penjelasan atau bantuan lain yang diperlukan berhubung dengan rekod itu;

- (g) memberikan satu salinan surat ikatan kepada seorang anggota atas permintaan bagi satu salinan surat ikatan itu dan setelah pembayaran suatu jumlah yang munasabah yang dikenakan oleh penyedia skim persaraan swasta itu;
- (h) menyediakan untuk pemeriksaan satu salinan surat ikatan tanpa bayaran kepada mana-mana orang awam;
- (i) tidak bertindak sebagai prinsipal dalam jual beli sekuriti, derivatif, harta atau aset kepada dan daripada skim persaraan swasta itu melainkan jika dinyatakan selainnya oleh Suruhanjaya;
- (j) tidak menyalahgunakan kedudukannya dalam menguruskan skim persaraan swasta untuk meraih secara langsung atau tidak langsung, kebaikan untuk dirinya atau untuk orang lain atau menjejaskan kepentingan anggota skim persaraan swasta itu;
- (k) tidak melabur mana-mana wang yang terdapat di bawah surat ikatan dalam apa-apa sekuriti, derivatif, harta atau aset yang atau daripadanya penyedia skim persaraan swasta itu atau mana-mana daripada pegawainya mendapat faedah tanpa mendapat kebenaran terdahulu pemegang amanah skim; dan

- (l) menjalankan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

Kewajipan penyedia skim persaraan swasta berhubung dengan laporan tahunan, penyata dsb.

11. (1) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah menyediakan dan menyerahkan simpan dengan Suruhanjaya—

(a) suatu laporan tahunan skim persaraan swasta dalam masa dua bulan selepas tamat tahun kewangan skim persaraan swasta itu; dan

(b) suatu laporan tahunan penyedia skim persaraan swasta dalam masa enam bulan selepas tamat setiap tahun kewangan penyedia skim persaraan swasta itu,

yang mengandungi apa-apa maklumat dan mengikut cara, sebagaimana yang dinyatakan dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah menyerahkan satu salinan dokumen yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) kepada tiap-tiap anggota skim persaraan swasta itu tanpa bayaran dalam masa dua bulan selepas tamat setiap tahun kewangan skim persaraan swasta itu.

(3) Jika anggota meminta—

(a) apa-apa salinan tambahan dokumen yang disebut dalam subperaturan (2); atau

(b) dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(b),

penyedia skim persaraan swasta hendaklah menyerahkan kepada anggota itu dokumen yang diminta dalam masa dua bulan selepas permintaan itu diterima dan

setelah pembayaran suatu jumlah yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh penyedia skim persaraan swasta itu.

(4) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah memastikan bahawa semua penyata kewangan yang berhubungan dengan skim persaraan swasta itu mematuhi standard perakaunan yang diluluskan.

PENGGAL 5

Pemegang amanah skim

Kewajipan dan tanggungjawab pemegang amanah skim

12. (1) Seseorang pemegang amanah skim yang diluluskan di bawah seksyen 139ZC Akta hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang berikut:

- (a) pada setiap masa menjalankan kuasanya bagi maksud yang sepatutnya dan dengan suci hati untuk kepentingan yang terbaik bagi anggota secara keseluruhannya;
- (b) menjalankan tahap ketelitian dan ketekunan yang orang yang waras akan lakukan jika dia berada di kedudukan penyedia skim persaraan swasta;
- (c) menjaga dan mengawal segala sekuriti, derivatif, harta dan aset suatu skim persaraan swasta dan memegangnya atas amanah untuk anggota mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (d) dalam menjalankan fungsinya dan pengurusan semua sekuriti, derivatif, harta dan aset suatu skim persaraan swasta di bawah jagaan dan kawalannya, bertindak mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

- (e) menyimpan rekod semua transaksi yang berhubungan dengan skim persaraan swasta dan memastikan bahawa semua akaun dan rekod yang disimpan adalah lengkap dan tepat;
- (f) memastikan bahawa peruntukan dalam dokumen penzahiran yang berhubungan dengan skim persaraan swasta tidak mengandungi apa-apa perkara yang tidak selaras dengan peruntukan dan waad surat ikatan;
- (g) menjalankan ketekunan yang sewajarnya untuk memastikan sama ada penyedia skim persaraan swasta telah memungkiri mana-mana peruntukan atau waad surat ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan dalam Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (h) melakukan segala-galanya dalam kuasanya bagi memastikan bahawa penyedia skim persaraan swasta meremedi mana-mana kemungkiran yang diketahui oleh pemegang amanah skim terhadap peruntukan atau waad surat ikatan, apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (i) memberikan kepada anggota suatu pernyataan yang menjelaskan kesan mengenai apa-apa cadangan yang dikemukakan kepada anggota sebelum mana-mana mesyuarat yang—
 - (i) diperintahkan oleh mahkamah berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi di bawah subseksyen 176(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau
 - (ii) dipanggil oleh pemegang amanah skim di bawah peraturan 21;

- (j) mematuhi apa-apa arahan yang diberikan kepada pemegang amanah skim dalam mesyuarat anggota yang disebut dalam peraturan 20, 21 atau 22 melainkan jika—
- (i) arahan itu tidak selaras dengan mana-mana peruntukan atau waad surat ikatan atau peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau selainnya boleh dibantah; dan
 - (ii) pemegang amanah skim telah sama ada memperoleh, atau dalam proses untuk memperoleh, suatu perintah daripada mahkamah di bawah peraturan 23 untuk mengetepikan atau mengubah arahan itu; dan
- (k) menjalankan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(2) Kewajipan dan tanggungjawab pemegang amanah skim sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan ini, mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau surat ikatan adalah sebagai tambahan kepada dan bukan pengurangan kewajipan yang selainnya dikenakan ke atas pemegang amanah skim oleh mana-mana undang-undang lain.

(3) Pemegang amanah skim yang melanggar subperaturan (1) tidak melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemegang amanah skim untuk memberitahu Suruhanjaya

13. Pemegang amanah skim hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya pada masa berlakunya hal keadaan yang berikut:

- (a) jika penyedia skim persaraan swasta itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan;

- (b) jika seseorang penerima, penerima dan pengurus atau orang yang setaraf dengannya telah dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset atau perusahaan penyedia skim persaraan swasta itu;
- (c) jika penyedia skim persaraan swasta itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa;
- (d) jika penyedia skim persaraan swasta itu telah gagal atau enggan untuk bertindak sebagai penyedia skim persaraan swasta mengikut peruntukan atau waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (e) jika terdapat apa-apa ketidakteraturan, apa-apa kemungkiran terhadap peruntukan atau waad surat ikatan itu atau apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan dalam Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau
- (f) jika terdapat apa-apa yang tidak selaras antara peruntukan dokumen penzahiran dengan peruntukan atau waad surat ikatan.

Pengecualian bagi pemegang amanah skim daripada tanggungan dan menanggung rugi tanggungan

14. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), suatu peruntukan atau waad yang terkandung dalam suatu surat ikatan atau terma sesuatu kontrak dengan anggota adalah terbatal setakat yang peruntukan, waad atau terma itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai kesan—

- (a) yang mengecualikan seseorang pemegang amanah skim di bawah surat ikatan itu daripada tanggungan kerana melanggar mana-mana peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau kerana

pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki sebagai seorang pemegang amanah skim; atau

(b) yang menanggung rugi tanggungan seseorang pemegang amanah skim terhadap tanggungan kerana melanggar mana-mana peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau kerana pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki sebagai seorang pemegang amanah skim.

(2) Subperaturan (1) tidak boleh menidaksahkan—

(a) apa-apa pelepasan yang selainnya diberikan secara sah berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh seseorang pemegang amanah skim sebelum pelepasan itu diberikan; atau

(b) mana-mana peruntukan, waad atau terma yang membolehkan pelepasan sedemikian diberikan—

(i) atas persetujuan suatu resolusi khas yang dipersetujui dalam mesyuarat anggota yang dipanggil bagi maksud itu; dan

(ii) sama ada mengenai tindakan atau peninggalan tertentu atau apabila pemegang amanah skim itu terhenti daripada bertindak.

Pemegang amanah skim ditanggung rugi

15. (1) Seseorang pemegang amanah skim tidak bertanggung bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan mengikut suatu arahan yang

diberikan kepadanya oleh anggota dalam mana-mana mesyuarat yang dipanggil di bawah peraturan 20, 21 atau 22.

(2) Seseorang pemegang amanah skim boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hak lain di bawah surat ikatan, mendapatkan bayaran ganti dengan menolak daripada apa-apa wang yang diterima oleh pemegang amanah skim itu daripada suatu penyedia skim persaraan swasta, segala kos yang munasabah yang dilakukan dalam menerangkan kesan mengenai apa-apa cadangan yang dikemukakan kepada anggota dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 12(1)(i).

Penggantian pemegang amanah skim

16. Penyedia skim persaraan swasta hendaklah memberitahu Suruhanjaya dan menggantikan pemegang amanah skim dengan pemegang amanah skim yang lain secepat yang dapat dilaksanakan selepas menyedari bahawa—

- (a) pemegang amanah skim itu tidak lagi wujud;
- (b) kelulusan yang diberikan kepada pemegang amanah skim telah ditarik balik di bawah seksyen 139ZE Akta;
- (c) pemegang amanah skim itu telah gagal atau enggan untuk bertindak sebagai pemegang amanah skim mengikut peruntukan atau waad surat ikatan atau peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (d) pemegang amanah skim itu berniat untuk meletakkan jawatan atau bersara yang mana surat ikatan itu tidak mempunyai peruntukan bagi pelantikan pengganti;
- (e) seseorang penerima, penerima dan pengurus atau orang yang setaraf dengannya dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset atau perusahaan pemegang amanah skim sedia ada itu dan belum berhenti bertindak di bawah pelantikan itu;

- (f)* suatu petisyen dikemukakan bagi penggulungan pemegang amanah skim sedia ada selain bagi maksud dan diikuti oleh suatu penyusunan semula, melainkan jika semasa atau berikutan dengan penyusunan semula itu, pemegang amanah skim yang sedia ada itu menjadi atau diisytiharkan sebagai tidak solven; atau
- (g)* pemegang amanah skim telah melanggar Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*], Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*] atau Akta Syarikat 1965.

PENGGAL 6

Daftar

Daftar anggota

17. (1) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah menyenggarakan suatu daftar anggota dan memasukkan ke dalam daftar—

- (a)* nama, alamat dan nombor kad pengenalan anggota yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [*Akta 78*];
- (b)* bilangan unit yang dipegang oleh setiap anggota dalam setiap kumpulan wang;
- (c)* tarikh nama setiap orang dimasukkan ke dalam daftar itu sebagai anggota;
- (d)* tarikh pemberhentian mana-mana orang daripada menjadi anggota; dan
- (e)* apa-apa maklumat lain yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(2) Walau apapun apa-apa jua dalam subperaturan (1), penyedia skim persaraan swasta boleh menyimpan nama dan butiran yang berhubungan dengan orang yang berhenti menjadi anggota skim persaraan swasta dalam daftar yang berasingan

bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh anggota itu berhenti menjadi anggota.

(3) Daftar anggota hendaklah disenggarakan oleh penyedia skim persaraan swasta di pejabat berdaftarnya atau alamat tempat urusan utamanya di Malaysia sebagaimana yang diberitahu kepada Suruhanjaya.

(4) Daftar anggota hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan ke dalamnya.

(5) Seseorang anggota boleh meminta penyedia skim persaraan swasta, setelah membuat pembayaran suatu jumlah yang munasabah yang dikenakan oleh penyedia skim persaraan swasta itu, untuk memberi anggota itu satu cabutan daripada daftar setakat yang berhubungan dengan nama, alamat, bilangan unit yang dipegang olehnya dan amaun yang telah dibayar untuk unit berkenaan.

Penutupan daftar

18. Penyedia skim persaraan swasta boleh, dengan memberikan notis tidak kurang daripada empat belas hari kepada Suruhanjaya, menutup daftar anggota dan suatu daftar tidak boleh ditutup melebihi tiga puluh hari secara agregat dalam sesuatu tahun kalendar.

Kuasa mahkamah untuk membetulkan daftar

19. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan kemasukan atau ketidakmasukan, atau cara kemasukan atau ketidakmasukan, mana-mana nama dalam daftar boleh memohon kepada mahkamah bagi membuat pembetulan kepada daftar itu.

(2) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan di bawah subperaturan (1), memutuskan—

(a) apa-apa soalan yang berhubungan dengan hak mana-mana orang yang merupakan suatu pihak kepada permohonan untuk memasukkan namanya ke dalam atau mengeluarkan daripada daftar, sama ada persoalan itu timbul antara anggota atau anggota

yang dikatakan, di satu pihak dengan penyedia skim persaraan swasta di satu pihak yang lain; dan

(b) secara amnya, apa-apa soalan yang perlu atau suai manfaat untuk diputuskan bagi membuat pembetulan kepada daftar itu.

(3) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan di bawah subperaturan (1) memerintahkan pembetulan daftar dan pembayaran oleh penyedia skim persaraan swasta bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pihak dalam permohonan itu atau menolak permohonan itu.

PENGGAL 7

Mesyuarat anggota

Mesyuarat dituntut oleh anggota

20. (1) Penyedia skim persaraan swasta hendaklah memanggil suatu mesyuarat anggota skim persaraan swasta atau kumpulan wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika—

(a) tidak kurang daripada lima puluh anggota atau satu persepuluh daripada semua anggota skim persaraan swasta atau kumpulan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengarahkan penyedia skim persaraan swasta itu untuk berbuat demikian secara bertulis;

(b) arahan bertulis diberikan kepada penyedia skim persaraan swasta di pejabat berdaftarnya; dan

(c) maksud mesyuarat itu adalah—

(i) untuk menimbangkan penyata kewangan yang terbaru;

(ii) untuk memberikan kepada pemegang amanah skim apa-

apa arahan yang difikirkan patut oleh mesyuarat; atau

- (iii) untuk menimbangkan apa-apa perkara lain berhubung dengan skim persaraan swasta atau kumpulan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau surat ikatan.

(2) Mesyuarat yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diadakan mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

Kuasa pemegang amanah skim untuk memanggil mesyuarat

21. (1) Jika penyedia skim persaraan swasta gagal meremеди apa-apa kemungkiran terhadap peruntukan atau waad surat ikatan atau apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya apabila diminta oleh pemegang amanah skim, pemegang amanah skim itu boleh—

- (a) memanggil suatu mesyuarat anggota skim persaraan swasta atau kumpulan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) memberitahu anggota mengenai kegagalan penyedia skim persaraan swasta dalam mesyuarat itu;
- (c) mengemukakan cadangan bagi melindungi kepentingan anggota; dan
- (d) meminta arahan daripada anggota berhubung dengan perkara itu.

(2) Seseorang pemegang amanah skim boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat anggota yang dipanggil di bawah subperaturan (1) dan jika pemegang amanah skim itu tidak menjalankan kuasa ini, anggota yang hadir pada mesyuarat itu boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat anggota

22. (1) Tanpa mengehendkan kuasa mahkamah untuk membuat perintah di bawah peraturan 23, mahkamah boleh membuat suatu perintah untuk diadakan suatu mesyuarat bagi semua atau mana-mana daripada anggota untuk memberikan arahan kepada pemegang amanah skim.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah subperaturan (1) boleh mengarahkan pemegang amanah skim itu untuk—

- (a) membentangkan kepada anggota apa-apa maklumat tentang kepentingan anggota;
- (b) membentangkan kepada anggota apa-apa cadangan untuk melindungi kepentingan anggota yang diarahkan oleh mahkamah atau yang dianggap sesuai oleh pemegang amanah skim; dan
- (c) mendapatkan arahan daripada anggota tentang perlindungan kepentingan anggota.

(3) Mesyuarat hendaklah diadakan dan dijalankan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

(4) Seseorang pemegang amanah skim boleh melantik seseorang untuk menguruskan mesyuarat dan jika pemegang amanah tidak menjalankan kuasa ini, anggota yang hadir pada mesyuarat itu boleh melantik seseorang untuk menguruskan mesyuarat itu.

PENGGAL 8

Am

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah

23. (1) Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai

bagi melindungi kepentingan anggota yang sedia ada atau bakal anggota.

(2) Jika seseorang pemegang amanah skim memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan apa-apa arahan berhubung dengan pelaksanaan fungsi pemegang amanah skim atau untuk menentukan apa-apa persoalan berhubung dengan kepentingan anggota, mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan atau membuat apa-apa pengisytiharan atau penentuan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh mahkamah, termasuklah apa-apa perintah sampingan atau berbangkit sebagaimana yang perlu.

Hak pemegang amanah, wasi dan pentadbir berhubung dengan anggota yang mati

24. (1) Seseorang pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka mana-mana orang yang mati yang didaftarkan atau yang berhak secara benefisial untuk didaftarkan sebagai seorang anggota mana-mana skim persaraan swasta boleh didaftarkan sebagai anggota berkenaan dengan pemegangan orang yang mati sebagai pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka itu dan adalah, berkenaan dengan pemegangan itu, berhak kepada hak yang sama dengan yang sepatutnya diterima oleh orang yang mati jika pemegangan orang mati itu kekal didaftarkan atas nama orang yang mati itu.

(2) Suatu unit yang dipegang oleh pemegang amanah, wasi atau pentadbir orang yang mati berkenaan dengan suatu amanah tertentu boleh, dengan persetujuan penyedia skim persaraan swasta, ditandakan dalam daftar itu dengan cara yang membolehkan unit itu dikenal pasti sebagai dipegang berkenaan dengan amanah itu.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan ini, notis mengenai apa-apa amanah yang nyata, tersirat atau konstruktif tidak boleh dimasukkan ke dalam suatu daftar, dan tiada tanggungan boleh terjejas oleh apa-apa jua yang dilakukan menurut subperaturan (1) atau (2) atau mana-mana undang-undang di luar Malaysia yang sama dengan peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Penggulungan suatu skim persaraan swasta

25. (1) Walau apapun apa-apa peruntukan atau waad surat ikatan, suatu skim persaraan swasta tidak boleh digulung melainkan jika penyedia skim persaraan swasta atau pemegang amanah skim telah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Suruhanjaya boleh menghendaki pemohon untuk memberikan Suruhanjaya apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi maksud permohonan itu.

BAHAGIAN III**PEMEGANG AMANAH BAGI SKIM PERSARAAN TAJAAN MAJIKAN****Kewajipan dan tanggungjawab pemegang amanah majikan**

26. (1) Seseorang pemegang amanah majikan yang diluluskan di bawah seksyen 139ZF Akta hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang berikut:

- (a) pada setiap masa menjalankan kuasanya bagi maksud yang sepatutnya dan dengan suci hati untuk kepentingan yang terbaik bagi anggota secara keseluruhannya;
- (b) menjalankan tahap ketelitian dan ketekunan yang orang yang waras akan lakukan jika dia berada di kedudukan pemegang amanah majikan;
- (c) menjaga dan mengawal segala sekuriti, derivatif, harta dan asset suatu skim persaraan tajaan majikan dan memegangnya atas amanah untuk anggota mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (d) dalam menjalankan fungsinya dan pengurusan semua sekuriti, derivatif, harta dan aset suatu skim persaraan tajaan majikan di

bawah jagaan dan kawalannya, bertindak mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

- (e) memastikan bahawa segala akaun dan rekod anggota dan transaksi berhubung dengan skim persaraan tajaan majikan itu adalah lengkap dan tepat;
- (f) melakukan segala-galanya dalam kuasanya bagi memastikan bahawa majikan meremedi mana-mana kemungkiran yang diketahui oleh pemegang amanah majikan terhadap peruntukan atau waad surat ikatan, apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (g) memberitahu Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan akan apa-apa ketidakteraturan, apa-apa kemungkiran terhadap peruntukan atau waad surat ikatan, apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (h) menjalankan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab lain sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Seseorang pemegang amanah majikan yang melanggar subperaturan (1) tidak melakukan suatu kesalahan.

Dibuat 16 Mac 2012
[SC/RS(A&R)/PENSION FUND.3/11(085-1B); PN(PU2)662/VI]

TAN SRI ZARINAH ANWAR
Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti

Diluluskan

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

